



Ruj Kami : KPM.500-2/6/1JLD.2 (16)
Tarikh : 3 Mac 2017
4 Jamadilakhir 1438H

**Semua Pengarah Bahagian
Sektor Operasi Pendidikan
(Seperti Senarai Edaran – Lampiran A)**

**Semua Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri
(Seperti Senarai Edaran – Lampiran B)**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENYEDIAAN PERMOHONAN ANGGARAN BELANJA
MENGURUS (PERJAWATAN) TAHUN 2018 BAGI
SEKOLAH/INSTITUSI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian ini sedang dalam penyediaan permohonan Anggaran Belanja Mengurus (Perjawatan) Tahun 2018 yang akan dikemukakan kepada Agensi Pusat pada bulan Mei 2017. Bagi memastikan kelancaran urusan tersebut maka Kementerian ini telah menetapkan penyediaan permohonan ABM(P) Tahun 2018 bagi sekolah-sekolah di bawah kawalan **Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) akan dilaksanakan secara dalam talian melalui Sistem Maklumat Guru (SMG) Modul e-Operasi mulai 7 Mac 2017 hingga 27 Mac 2017** manakala sekolah-sekolah di

bawah kawalan Bahagian (Sektor Operasi Pendidikan)
dilaksanakan secara format manual mulai 7 Mac 2017 hingga 21
Mac 2017.

3. Sebagai panduan bagi urusan penyediaan ABM(P) Tahun 2018, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan boleh memuat turun slaid taklimat tatacara penyediaan ABM(P) Tahun 2018 dan garis panduan penyediaan ABM(P) Tahun 2018 melalui SMG Modul e-Operasi dan laman sesawang KPM mulai 6 Mac 2017.

4. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dengan memaklumkan kepada pegawai yang bertanggungjawab di Bahagian/JPN, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah/institusi di bawah seliaan dan pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan.

5. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berikan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“SEHATI SEJIWA”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(ROZIDA BINTI ZAINOL ABIDIN)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
☎ 03-88847998 📠 03-88847840